

P.U. (A) 458.

AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (KEHILANGAN KELAYAKAN PEMEGANG JAWATAN BADAN SUKAN) 2000

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26 Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Kehilangan Kelayakan Pemegang Jawatan Badan Sukan) 2000**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Disemher 2000.

Hilang kelayakan daripada menjadi pemegang jawatan badan sukan

2. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2) dan (3), tiada seorang pun boleh menjadi atau terus menjadi pemegang jawatan mana-mana badan sukan-

- (a) jika dia telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) jika dia telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang dan dihukum dengan hukuman denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun;
- (c) jika telah dibuat terhadapnya apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis;
- (d) jika dia ialah seorang bankrap yang belum dilepaskan; atau
- (e) jika dia adalah dan telah didapati atau diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal.

(2) Kehilangan kelayakan seseorang di bawah perenggan (1)(a) hendaklah terhenti pada akhir tempoh dua tahun berkuat kuasa dari tarikh orang itu dibebaskan daripada pemenjaraan atau dari tarikh denda dikenakan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Kehilangan kelayakan seseorang di bawah perenggan (1)(b) hendaklah terhenti pada akhir tempoh lima tahun berkuat kuasa dari tarikh orang itu dibebaskan daripada pemenjaraan atau dari tarikh denda dikenakan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Jika Pesuruhjaya, melalui suatu pemberitahuan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, memberitahu sesuatu badan sukan bahawa seseorang pemegang jawatan badan sukan itu hilang kelayakan di bawah subperaturan (1), badan sukan itu hendaklah serta-merta memberikan kuat kuasa kepada kehilangan kelayakan itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

JADUAL

(Subperaturan 2(4))

AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN
(KEHILANGAN KELAYAKAN PEMEGANG JAWATAN BADAN SUKAN) 2000

PEMBERITAHUAN KEHILANGAN KELAYAKAN PEMEGANG
JAWATAN BADAN SUKAN

Kepada:

.....
.....
.....
.....

Menurut kuasa subperaturan 2(4) Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Kehilangan Kelayakan Pemegang Jawatan Badan Sukan) 2000, saya dengan ini memberi notis bahawa-

	<i>Nama</i>	<i>Jawatan yang Dipegang</i>	<i>No. Kad Pengenalan</i>
(i)
(ii)

telah hilang kelayakan sebagai pemegang jawatan badan sukan yang berikut:

.....
(Nama badan sukan)

mulai atas alasan yang berikut:

(a) Pemegang jawatan telah disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997.

No. Kes Mahkamah:

(b) Pemegang jawatan telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah undang-undang dan dihukum dengan hukuman denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun.

No. Kes Mahkamah:

(c) Perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis telah dibuat terhadap pemegang jawatan.

(d) Pemegang jawatan ialah seorang bankrap yang belum dilepaskan.

No. Kes Mahkamah:

(e) Pemegang jawatan telah didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal.

Nama Hospital:

Rujukan :

Bertarikh:

.....
*Pesuruhjaya Sukan
Malaysia*

s.k.:

.....

Dibuat 1 Disember 2000.
[PPS. S.02/02/03 (70); PN(PU²)587]

DATO' HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
Menteri Belia dan Sukan